

Hydang Arak Dalam Majlis Kerajaan
- Exco Dakwah Kelantan Desak
Tindakan Tegak

Pesta Flora Kelantan 2025 cipta
rekod jualan RM575,318.55
dalam masa 4 hari

Kelantan perkasakan Enakmen
Pendaftaran Ternakan Ruminan 2024,
elak ternakan berkeliaran

Wanita Kelantan bersemangat
juang tinggi, aktif dalam dalam
pelbagai bidang - YB Nor Asilah

Majlis Daerah Kuala Krai johan perarakan kereta berhias sambutan Ulang Tahun Keputeraan Sultan Muhammad V

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 5 Oktober – Majlis Daerah Kuala Krai (MDKK) dinobatkan juara Pertandingan Perarakan Kereta Berhias sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V yang ke-56 selepas mengetengahkan persembahan kenderaan berhias paling kreatif dan sarat nilai tradisi berkonsepkan Bandar Dalam Taman.

Motif ikonik Kuala Krai seperti Jambatan Gantung Sultan Ismail, Mini Zoo Kuala Krai dan Tembikar Mambong membolehkan MDKK membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000, berserta piala kejuaraan dan sijil penghargaan.

Majlis Daerah Tanah Merah (MDT) muncul naib johan dengan hadiah RM3,000, manakala Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam (MDK) di tempat ketiga dan menerima RM2,000.

Bagi kategori beca berhias, Hotel Jewels diumumkan sebagai johan, merangkul RM1,000, diikuti Hotel Perdana (naib johan, RM700) dan Hotel Renai (tempat ketiga, RM500).



Acara penuh warna-warni itu berlangsung meriah apabila puluhan ribu rakyat membanjiri Stadium Sultan Muhammad IV bagi menyaksikan perarakan 18 kereta dan 10 beca berhias yang berarak dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan menuju ke stadium bermula pukul 8 malam tadi.

Turut berangkat menyaksikan acara ialah KDYMM Sultan Muhammad V bersama Duli Yang Maha Mulia Sultanah Kelantan Sultanah Nur Diana Petra Abdullah serta Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ismail Petra.

Majlis dimulakan dengan

bacaan doa oleh Mufti Kelantan, Sahibul Samahah YB Dato' Kaya Perba Dato' Haji Mohamad Shukri Mohamad sebelum perarakan dibuka dengan segmen Adat Istiadat Diraja melibatkan pasukan istiadat, gajah, hulubalang dan 56 ekor kuda bersama 56 rakyat jelata sebagai simbol usia keputeraan Baginda.

Antara penyertaan yang mencuri tumpuan ialah kereta berhias persembahan

Persatuan Hotel Bajet Malaysia Cawangan Kelantan yang bertemakan Pintu Gerbang Sultan Ismail Petra.

Tidak terkecuali Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) yang menampilkan kereta

“


Motif ikonik Kuala Krai seperti Jambatan Gantung Sultan Ismail, Mini Zoo Kuala Krai dan Tembikar Mambong membolehkan MDKK membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000, berserta piala kejuaraan dan sijil penghargaan,”

berhias bertemakan Nanas Pemacu Ekonomi Pertanian.

Sementara Majlis Daerah Tumpat (MDT) pula mengangkat tema Kampung Laut simbol warisan seni dan budaya nelayan di Tumpat.

Persembahan Akrobatik Army Red Warriors juga dipersembahkan diikuti silat dan dikir barat turut menghangatkan suasana dengan sorakan penonton bergema di seluruh stadium.

Majlis turut dihadiri Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, kepimpinan kerajaan negeri, ketua jabatan serta para pembesar negeri.



Pink Walk 2025 himpun lebih 1,400 peserta, semai kesedaran kanser payudara

Oleh: Syamimi Manah

BACHOK, 5 Oktober – Lebih 1,400 peserta menyertai Program Pink Walk 2025 yang berlangsung meriah di Pantai Irama, Bachok semalam sebagai tanda solidariti dan sokongan terhadap wanita yang berjuang melawan kanser payudara.

Program berkonsepkan Fun Walk itu dirasmikan oleh Tengku Puan Temenggong Kelantan Yang Mulia Tunku Puan Sri Dato' Noor Hayati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang turut berkenan menyertai acara berjalan santai bersama para peserta.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata program tersebut membawa mesej mendalam tentang pentingnya kesedaran



awal dan sokongan moral kepada pesakit kanser payudara.

“Lebih 1,400 peserta termasuk para pejuang dan pesakit bebas kanser yang hadir dengan senyuman serta kekuatan luar biasa. Program sebegini bukan sekadar aktiviti riadah, tetapi simbol sokongan dan solidariti terhadap wanita yang berjuang melawan kanser payudara,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial pada Sabtu.

Beliau turut berharap agar kesedaran dan keprihatinan masyarakat terhadap penyakit ini terus disemai agar lebih ramai wanita tampil menjalani pemeriksaan awal demi kesihatan diri dan keluarga.

Program anjuran Yayasan Kaseh Kanser dan Kronik dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kelantan itu turut disertakan dengan penyampaian sumbangan kepada Yayasan Kasih Kanser dan Kronik, yang disempurnakan

oleh Tengku Puan Temenggong Kelantan.

Antara penyumbang ialah Yayasan Noor Al-Syakur (YANAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Ahli Dewan Negeri (ADN) Pantai Irama YB Mohd Huzaimy Che Hussin serta So Fast Empire (M) Sdn. Bhd.

SMU (A) Diniah Kampung Bongor rangkul anugerah negeri dan kebangsaan, pelaburan pendidikan ialah amal jariah terbesar – MB Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 6 Oktober – Sekolah Menengah Ugama (Arab) Diniah Kampung Bongor, Pasir Mas terus membuktikan keupayaannya sebagai institusi pendidikan unggul apabila merangkul deretan anugerah akademik dan kokurikulum berprestij di peringkat negeri dan kebangsaan bagi tahun 2023 dan 2024.

Antara kejayaan membanggakan sekolah tersebut ialah meraih Anugerah Pencapaian 100 peratus Layak Mendapat Sijil (LMS) SPM 2024, Anugerah Sekolah Terbaik Kategori SABK dalam SPM 2024

dan Anugerah Gred Purata Sekolah (GPS) Melempi Gred Purata Daerah (GPD).

Turut diterima ialah Anugerah Kualiti Pembelajaran Lonjakan Saujana GPS SPM 2022 (Kategori SABK Peringkat Negeri Kelantan) dan Johan Anugerah Kelantanku Bersih 2023 (Kategori Sekolah Bersih dan Ceria Sekolah Yayasan Islam Kelantan).

Sehubungan itu, Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud menyifatkan pencapaian itu sebagai hasil keberkatan iltizam seluruh warga sekolah.

Beliau juga menegaskan baha-

wa pelaburan dalam pendidikan merupakan amal jariah terbesar yang manfaatnya mengalir hingga ke generasi seterusnya.

“Apa yang kita tanam pada hari ini, hasilnya untuk generasi akan datang,” katanya ketika merasmikan Majlis Kesyukuran dan Kutipan Dana Waqaf sekolah itu pada Ahad.

Bagi menyokong usaha pembangunan sekolah berkenaan, beliau menyumbang RM50,000, manakala Exco Pendidikan Kelantan, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat yang mewakili Yayasan Islam Kelantan (YIK) turut menyerahkan RM50,000 untuk tujuan

pembelian tanah baharu.

Beliau juga menegaskan bahawa inisiatif wakaf pendidikan tersebut sebagai langkah strategik melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan berdaya saing.

“Semoga usaha murni ini terus subur dan menjadi sumber keberkatan kepada semua pihak yang terlibat. Moga Allah SWT menerima setiap sumbangan sebagai amal jariah yang berkekalan pahalanya,” katanya.

Majlis turut dihadiri Pengarah YIK Dato' Zulkifli Abdul Rahman, pengetua-pengetua sekolah YIK, warga pendidik, ibu bapa serta para penyumbang.



Pesta Flora Kelantan 2025: 700 spesies bunga dipamer, 370 orkid hibrid moden dan liar jadi tumpuan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 6 Oktober — Pesta Flora Kelantan 2025 menyerlahkan kemegahan biodiversiti negeri Kelantan apabila lebih 700 spesies bunga dan tanaman hiasan dipamer dan dijual sepanjang penganjuran acara itu yang berlangsung penuh warna-warni selama empat hari bermula 2 hingga 5 Oktober.

Lebih 370 spesies orkid daripada jenis hibrid moden hingga spesies liar bernilai tinggi menjadi tumpuan utama para pengunjung yang membanjiri Taman Perbandaran Tunku Anis untuk melihat sendiri koleksi eksotik yang dibawa khas oleh pengusaha, pengumpul dan penggemar florikultur dari seluruh negara.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kelantan YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata penganjuran pesta flora bukan sekadar wadah pameran tetapi platform strategik yang menghubungkan kerajaan, komuniti, usahawantani dan institusi pendidikan dalam memperkasa kesedaran terhadap kelestarian alam.

“Pesta ini menyatukan minat



dan kecintaan terhadap flora sekali gus membuka peluang ekonomi kepada pengusaha herba, landskap dan tanaman hiasan untuk menembusi pasaran lebih luas,” katanya ketika merasmikan Majlis Penutupan Pesta Flora Kelantan 2025, di sini semalam.

Beliau menegaskan, industri florikultur kini berkembang sebagai cabang penting dalam sektor agromakanan, dengan potensi besar untuk diteroka dalam bidang pelancongan, perubatan tradisional, aromaterapi serta pembangunan taman bandar dan kawasan rekreasi yang menyumbang kepada kesejahteraan komuniti.

“Kelantan bertuah dianugerahkan flora yang pelbagai daripada

spesies hutan simpan hingga tanaman komersial namun kekayaan ini hanya akan kekal jika kita pelihara bersama,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru masyarakat agar bukan sekadar menjadi pemerhati tetapi turut tampil sebagai penjaga biodiversiti, sama ada melalui aktiviti penanaman, penyelidikan atau sokongan terhadap produk tempatan berasaskan flora.

Menurutnya, kerajaan negeri melalui portfolio berkaitan terus menyediakan insentif latihan, ruang pasaran dan promosi agro-pelancongan bagi mengukuhkan kedudukan Kelantan sebagai hab florikultur pantai timur.

“Matlamat kita ialah memban-

“Kelantan bertuah dianugerahkan flora yang pelbagai daripada spesies hutan simpan hingga tanaman komersial namun kekayaan ini hanya akan kekal jika kita pelihara bersama,”

gunkan negeri atas dasar pertanian lestari, ekonomi hijau dan nilai Islam, supaya manfaatnya dirasakan bukan hanya oleh manusia, tetapi seluruh ekosistem,” jelasnya.

Majlis penutupan turut diserikan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para pempamer, serta pengumuman pemenang cabutan bertuah bagi menghargai sokongan pengunjung.

Turut hadir, Timbalan Exco Pertanian YB Dato’ Shaari Hussein; Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Norbahani Zakaria; Pengarah FAMA Kelantan, Wan Faizatul Aniza Ismayatim; serta Pengarah PLANMalaysia Negeri Kelantan, TPr Mazillah Azleen Mat Nor.



KUM julang agenda Hijau Kelantan di pentas IMT-GT



Oleh: Norzana Razaly

Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings (KUM) sekali lagi mengharumkan nama negeri apabila menerima ANUGERAH Green & Sustainability Award daripada IMT-GT (Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle), hasil komitmen padu terhadap KEMPEN kelestarian alam sekitar di Kelantan.

Anugerah yang disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri II Dato' Sri Fadillah Yusof pada malam 26 September 2025 itu menandakan pengiktirafan terhadap komitmen pengurusan KUM, sekali gus memperlihatkan kedudukan Kelantan sebagai negeri yang semakin ke hadapan dalam agenda teknologi hijau dan kelestarian alam sekitar.

Mewakili seluruh warga KUM dan Kerajaan Negeri Kelantan, Pengurus Besar KUM Dr. Mohd Roshdi Hassan menyifatkan kejayaan tersebut sebagai satu amanah besar yang perlu dipikul bersama.

"Kita di KUM amat bersyukur dan terharu dengan pengiktirafan ini. Kita anggapnya sebagai satu pengiktirafan kepada usaha berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkukuh agenda kelestarian dan teknologi hijau," ujar beliau.

Program pendidikan bermula dengan agenda kitar semula bertaraf serantau

Menurut Dr. Roshdi, kejayaan itu dinilai berdasarkan pelbagai inisiatif utama KUM, khususnya melalui pelaksanaan Program Komuniti Amalan Hijau Kelantan (PKAH) serta inovasi digital ePKAH iaitu sebuah platform pendidikan kitar semula yang mendidik masyarakat mengurus sisa secara sistematik dan menjana ekonomi kitaran.

Selain itu, pemasangan sistem solar di Danau Tok Uban, program pendidikan kelestarian di

sekolah dan komuniti serta pelaksanaan projek Landfill Mining turut menjadi faktor penanda aras yang diperakui IMT-GT.

"Semua inisiatif ini bergerak seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan aspirasi 'Kelantanku Bersih', jelasnya ketika ditemui pada 2 Oktober lalu.

Terima pengiktirafan berganda

Lebih membanggakan, anugerah IMT-GT tersebut merupakan pengiktirafan kedua diterima KUM pada tahun 2025 dalam kategori kelestarian alam sekitar. Dr. Roshdi menegaskan bahawa kejayaan berganda itu tidak mungkin dicapai tanpa kesepaduan seluruh warga kerja serta sokongan padu Kerajaan Negeri.



"Kejayaan ini berpunca daripada kesepaduan seluruh warga kerja KUM, sokongan kuat pihak pengurusan tertinggi serta Kerajaan Negeri Kelantan. Budaya kerja kami menekankan inovasi hijau dan ESG sebagai teras," jelasnya dalam sesi wawancara bersama Pasukan Media UPKN pada 2 Oktober 2025.



Sehubungan itu, beliau merakamkan penghargaan terhadap Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi Negeri Kelantan YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat dan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah yang sentiasa mendukung pelaksanaan dasar hijau.

"Komitmen kerajaan negeri melalui agenda Kelantan Sejahtera untuk Semua dan Merakytakan Kelantanku Bersih menjadi tonggak kepada usaha ini," tambahnya.

Visi 2030: Kelantan negeri rendah karbon

Menjelang 2030, KUM meletakkan sasaran untuk menjadi syarikat utiliti dan teknologi hijau terunggul di Pantai Timur, dengan tumpuan kepada tenaga boleh baharu serta program kesedaran komuniti secara lebih sistematik.

Sehubungan itu, Dr. Mohd Roshdi menitipkan harapan khusus buat generasi muda berkaitan kepentingan mengekalkan kelestarian alam sekitar melalui kaedah kitar semula.

"Kita perlu mengubah persepsi terhadap sisa pepejal. Benda ini sebenarnya bukan sampah yang menjijikkan, tetapi sumber bernilai. Jika diuruskan dengan betul, semua barang buangan yang kita hasilkan di rumah dan di pejabat, boleh menjana pendapatan dan memberi masa depan lebih bersih kepada negeri kita."

Beliau yakin, dengan kesedaran rakyat dan kesinambungan kerjasama negeri-persekutuan, Kelantan mampu diangkat sebagai Negeri Bandar Rendah Karbon dan Sejahtera dalam tempoh yang lebih cepat daripada yang dijangka.

Teruskan boikot produk Israel, solidariti kepada sukarelawan GSF dan rakyat Palestin – MB Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 6 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan menyeru rakyat negeri ini supaya terus memboikot produk Israel sebagai tanda solidariti terhadap sukarelawan Global Sumud Flotilla (GSF) dan rakyat Palestin.

Menteri Besar Kelantan Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Nas-

suruddin Daud berkata tindakan Israel yang menghalang misi kemanusiaan tersebut jelas bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

“Kerajaan negeri mengajak semua rakyat bersatu hati memperkukuh solidariti melalui kesedaran masyarakat dan langkah boikot. Pada masa sama, marilah kita menunaikan solat hajat agar

saudara kita di Palestin serta sukarelawan misi ini dilindungi dan diberikan kejayaan,” katanya menerusi satu kenyataan di laman sosial rasmi pada Jumaat.

Beliau menjelaskan bahawa misi GSF yang disertai sukarelawan dari 46 negara, termasuk 26 rakyat Malaysia itu hanya membawa bantuan asas seperti makanan, ubat-ubatan serta perkhidmatan kesihatan.

“Misi ini dilaksanakan secara

aman tanpa sebarang senjata, namun tetap dihalang dan sebahagiannya ditahan pihak berkuasa Israel.

“Kerajaan negeri menzahirkan sokongan padu kepada peserta GSF dan rakyat Palestin. Tindakan Israel ini bukan sahaja menjejaskan prinsip kemanusiaan sejagat, malah menafikan hak rakyat Palestin untuk menerima bantuan asas bagi meneruskan kehidupan seharian,” jelasnya.



Hidang arak dalam majlis Kerajaan – Exco Dakwah Kelantan desak tindakan tegas



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 5 Oktober – Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan, YB Ustaz Mohd Asri Mat Daud, mendesak agar tindakan tegas diambil selepas tular maklumat bahawa arak disediakan secara ‘free flow’ dalam Majlis Makan Malam Gala Global Travel Meet 2025 anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) pada 2 Oktober lalu.

Hidangan arak tanpa had yang

dikatakan menjadi sebahagian daripada majlis makan malam kerajaan berkenaan telah menimbulkan kemarahan masyarakat Islam di seluruh negara.

YB Ustaz Asri berkata, perkara tersebut menimbulkan kontroversi kerana jelas bercanggah dengan sensitiviti Islam sebagai agama Persekutuan (Fasal 3(1) Perlembagaan Persekutuan), selain bertentangan dengan garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menetapkan amaran “Meminum Arak Boleh Membah-

ayakan Kesihatan”.

“Walaupun garis panduan itu khusus berkaitan penjualan, ia wajar dilihat sebagai budaya sensitif yang tidak sepatutnya dihidang secara terbuka, apatah lagi dalam majlis rasmi kerajaan yang turut dihadiri orang Islam,” jelasnya menerusi satu hantaran di media sosial rasminya hari ini.

Beliau menegaskan bahawa normalisasi arak dalam majlis rasmi kerajaan merupakan satu perbuatan biadab yang menjejaskan moral, etika serta imej pentadbiran Kerajaan Madani.

YB Ustaz Asri turut mendesak agar tindakan tegas diambil terhadap penganjur, serta menuntut pihak kementerian tampil menjelaskan perkara sebenar dan memohon maaf atas ketelanjangan tersebut.

Tambahnya, isu berkenaan perlu dilihat sebagai kesalahan besar yang tidak boleh dipandang ringan agar kejadian seumpama itu tidak berulang pada masa hadapan.

“Hidangan arak dalam majlis rasmi kerajaan bukan sahaja bercanggah dengan agama dan moral, malah menjatuhkan kredibiliti pentadbiran,” tegas beliau.



MB Kelantan sumbang komputer riba kepada siswi orang asli di KIAS



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 8 Oktober – Keprihatinan terhadap pendidikan komuniti orang asli terus mendapat perhatian Kerajaan Negeri Kelantan apabila Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz

Dato' Mohd Nassuruddin Daud menyumbangkan sebuah komputer riba kepada pelajar orang asli Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nurul Nadin Nadirah Abdullah, bagi membantu melancarkan pengajiannya

dalam Program Diploma Pengajian Islam.

Sumbangan itu melambangkan komitmen kerajaan negeri untuk memperkasa pelajar dari komuniti minoriti agar tidak tercalar dalam arus pendidikan digital yang semakin penting dalam sistem pembelajaran masa kini.

Majlis penyerahan komputer riba tersebut disempurnakan oleh Penolong Pengarah Pelajaran (Pinjaman, Biasiswa dan Bantuan) Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN), Roasfanizam Din, di kampus KIAS pada Selasa.

Turut hadir menyaksikan penyerahan ialah Rektor KIAS Prof. Dr. Mazlan Ibrahim, Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Dr. Tuan Mohd Sapuan Tuan Ismail dan Pegawai Komu-

nikasi Korporat KIAS Mohd Mansor Daud.

Pihak KIAS dalam kenyataan rasminya menzahirkan penghargaan kepada Menteri Besar atas keprihatinan berterusan terhadap kebajikan pelajar, khususnya mereka yang berasal daripada komuniti orang asli dan luar bandar.

"Sumbangan komputer riba ini ialah simbol sokongan moral dan tanggungjawab sosial kerajaan negeri terhadap pembangunan pendidikan inklusif kepada golongan minoriti. Diharapkan sumbangan ini menjadi pembakar semangat kepada saudari Nurul Nadin Nadirah untuk terus cemerlang dalam bidang akademik dan menyumbang kembali kepada masyarakat pada masa hadapan," ujar pihak KIAS.

Pesta Flora Kelantan 2025 cipta rekod jualan RM575,318.55 dalam masa 4 hari



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 8 Oktober – Pesta Flora Kelantan 2025 berjaya mencipta rekod apabila mencatat jumlah jualan keseluruhan sepanjang empat hari penganjuran bermula 2 hingga 5 Oktober 2025.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail memaklumkan jumlah jualan pada tahun ini meningkat sebanyak RM229,637.05 atau 66.43 peratus berbanding tahun lepas sebanyak RM345,681.50.

"Penganjuran kali ini menyaksikan sambutan luar biasa daripada pengunjung pelbagai lapisan masyarakat yang hadir bagi menyaksikan dan membeli pelbagai jualan produk tempatan, aktiviti kekeluargaan, pameran tanaman dari pel-

bagai agensi dan pihak swasta.

"Pesta bermula dengan membarangsangkan apabila mencatat jualan keseluruhan hari pertama yang mencecah RM84,578.80, didominasi oleh jualan dari Gerai Tapak 1 hingga 3 sebanyak RM80,663.80, melibatkan 66 daripada 67 gerai yang beroperasi," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya lagi, gerai Adabi turut menyumbang RM2,300 manakala Petting Zoo berjaya menarik perhatian dengan kutipan RM1,615.

"Memasuki hari kedua, jualan terus meningkat dengan jumlah jualan harian melonjak ke RM120,445.90.

"Semua 67 gerai beroperasi penuh, menyumbang RM111,140.90. Jualan Kombo Madani mula mencatat kutipan sebanyak RM3,400.00, diikuti gerai Adabi RM3,500 dan Petting Zoo RM2,405," jelasnya.

Pada hari ketiga pula, jualan semakin mencatat peningkatan ketara dengan jumlah jualan RM145,970.85. Gerai tapak menyumbang RM133,790.85, dan semua komponen jualan mencatat pertambahan termasuk Petting Zoo RM3,670 serta gerai Ada-

bi RM4,238.00. Produk baharu, Terrarium MARDI yang baru diperkenalkan turut menyumbang RM572.

Sementara pada hari terakhir pesta pula merekodkan jumlah jualan harian tertinggi iaitu RM224,323 walaupun hanya 66 gerai beroperasi.

Gerai tapak mencatat jumlah luar biasa sebanyak RM217,685. Gerai Adabi dan Petting Zoo menunjukkan sedikit penurunan, namun sambutan masih menggalakkan.

Pesta Flora Kelantan 2025 dianjurkan Kerajaan Negeri Kelantan kelolaan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) bersama rakan strategik sempena sambutan hari perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V yang ke-56 bertemakan "Kelantan

Indah, Flora Mempesona".

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Sultanah Kelantan Sultanah Nor Diana Petra pada 2 Oktober, manakala perasmian penutup oleh Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail pada Oktober.

Dato' Tuan Mohd Saripudin dalam ucapan perasmian penutup menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang menyokong penganjuran pesta tersebut.

"Terima kasih kepada semua pihak yang menyokong penganjuran pesta flora ini terutama para pengunjung.

"Sesungguhnya pesta flora ini menyerlahkan keindahan, kreativiti, potensi luar biasa yang ada pada florikultur dan industri hijau di negeri Kelantan," katanya.



Kelantan perkasakan Enakmen Pendaftaran Ternakan Ruminan 2024, **elak ternakan berkeliaran**

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 7 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan terus komited dalam menangani isu ternakan berkeliaran menerusi pemerkasaan Enakmen Pendaftaran Ternakan Ruminan 2024 yang telah diwartakan pada 14 November 2024 menggantikan Enakmen Lembu Kerbau 1958.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, enakmen tersebut digubal bagi memastikan semua ternakan ruminan di Kelantan didaftarkan secara sistematik, sekali gus memperkukuh kawal selia pemilikan, pemindahan dan pengurusan data ternakan di Kelantan.

“Langkah ini amat penting dalam memperkukuh aspek keselamatan makanan, kawalan pen-



yakit, serta mengawal kemasukan ternakan secara haram di kawasan sempadan.”

Beliau berkata demikian menerusi satu catatan di media sosial pada Isnin.

Tambah beliau, enakmen itu juga akan membantu merangka dasar penternakan negeri yang lebih tersusun dan berkesan pada masa hadapan.

Beliau juga yakin bahawa pelaksanaan enakmen tersebut dijangka dapat menangani masalah ternakan berkeliaran yang sering menimbulkan risiko kemalangan dan kerosakan harta benda selain meningkatkan tahap profesionalisme dalam sektor penternakan negeri.

Terdahulu YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin mengadakan perbincangan khas mengenai



pelaksanaan kaedah-kaedah di bawah enakmen tersebut bersama timbalannya, YB Dato’ Shaari Hussein serta Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan, Dr. Yahasmida Yaacob dan beberapa Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN) daripada Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) di bilik mesyuarat Exco, Mabna Kompleks Kota Darulnaim.

Peserta cilik curi tumpuan peringkat saringan Syarahan Perdana PMBI 2025



Ridzuan dan Adeela Awfa Aidi, diikuti oleh Najlaa’ Hasanah Aisyah Ahmad Najme (88 markah).

Pencapaian mata tertinggi itu menunjukkan kemampuan luar biasa peserta muda dalam menyampaikan gagasan bernas selaras dengan tema pertandingan.

Sementara itu, bagi kategori terbuka, sebanyak 14 peserta yang berumur 16 tahun ke atas telah berjaya hadir ke peringkat saringan. Rata-rata mereka terdiri daripada pelajar sekolah menengah, mahasiswa dan graduan universiti.

Keputusan tertinggi bagi kategori terbuka diraih oleh Siti Aisyah Azhar dari DUN Pengkalan Kubor dengan 85 markah. Disusuli oleh Ahmad Ramzil Hafizie Rusli dari DUN Pulau Chondong (84.5 markah) dan Amirah Syakirah Anuar dari DUN Gual Periok (83 markah).

Sebanyak sepuluh peserta daripada setiap kategori akan mara ke Pentas Akhir Syarahan Perdana PMBI 2025 yang dijadualkan berlangsung pada 15 Oktober ini.

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 5 Oktober – Peserta kategori cilik mencuri tumpuan para juri pada peringkat saringan Pertandingan Syarahan Perdana Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2025 yang berlangsung di Syabab Point, Kota

Bharu, semalam.

Meskipun berumur antara tujuh hingga 12 tahun, peserta kategori berkenaan menampilkan keyakinan tinggi serta gaya penyampaian yang tidak kurang hebat, setanding dengan peserta kategori terbuka.

Penilaian peserta pertandingan itu dibuat berdasarkan tiga as-

pek utama iaitu isi syarahan yang bertepatan dengan tema PMBI, gaya penyampaian dan penguasaan bahasa.

Kategori cilik menampilkan 17 peserta yang bertanding bagi merebut sepuluh tempat ke pentas akhir. Mata tertinggi 91 markah dicapai bersama oleh Iman Nuha Mohd

Wanita Kelantan bersemangat juang tinggi, aktif dalam pelbagai bidang - YB Nor Asilah



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 7 Oktober - Wanita Kelantan telah lama diiktiraf dan terbukti mempunyai semangat juang yang tinggi dan aktif dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang ekonomi, kata Timbalan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Nor Asilah Mohamed Zin.

Beliau memberi contoh keberanian dan keaktifan wanita Kelantan dalam bidang perniagaan yang jelas kelihatan di pasar-pasar utama seperti Pasar Siti Khadijah, Pasir Mas dan Pasir Puteh yang menjadi penggerak utama aktiviti ekonomi tempatan.

“Di Pasar Siti Khadijah, aktiviti perniagaan dimonopoli oleh wanita. Jarang kita lihat lelaki berniaga di situ. Ini membuktikan betapa hebatnya wanita Kelantan dalam bidang ini.

“Statistik juga menunjukkan bahawa wanita merupakan majoriti di negeri ini, dengan 50.17 peratus berbanding lelaki 49.83 peratus. Ini menjadi antara faktor wanita lebih ramai berkecimpung dalam pelbagai bidang.”

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan penutup di Majlis Penutup Bengkel Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP) 2025 yang diadakan

di sebuah hotel di sini pada Ahad.

YB Nor Asilah turut menegaskan bahawa Islam tidak pernah mendiskriminasikan wanita. Peranan mereka diiktiraf oleh Rasulullah SAW sendiri.

“Inilah pendekatan yang diam-bil oleh Kerajaan Negeri Kelantan dengan mengambil panduan agama dalam pentadbiran. Maka hak wanita sentiasa terbela dan terjaga,” katanya.

Tambahnya, pelbagai program kerajaan negeri sejak 1990 dilaksanakan berasaskan prinsip Islam.

Beliau juga menyifatkan wanita Kelantan sebagai “tongkat serandang” kepada kerajaan negeri,

yang memainkan peranan penting di rumah dan turut aktif mendidik dan membentuk generasi masa depan.

Mengulas mengenai MPWP, beliau menyifatkan badan itu sebagai platform terbaik untuk memperkasa wanita di Kelantan dan di seluruh Malaysia.

Beliau berharap melalui bengkel yang diadakan, ahli-ahli MPWP dapat memahami peranan dan tanggungjawab mereka untuk diterjemahkan dalam masyarakat, selaras dengan perubahan zaman dan cabaran teknologi moden.

“Kita perlu bersedia dengan kaedah terbaik untuk menghadapi cabaran semasa. Wanita harus terus menjadi ejen perubahan yang positif dalam masyarakat,” katanya.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Timbalan Yang Dipertua Pertubuhan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan (PURNAMA) Datin Bahrunurarifah Baharuddin, isteri wakil-wakil rakyat, Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KEK-WA) Ilvira Mohd Dasuki dan Pengarah Smart Enterprise Suhail Mohd kamarudin.

Kelantan salur sumbangan laksana agenda perpaduan kaum

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 5 Oktober — Kerajaan Negeri Kelantan terus komited memperkukuhkan semangat perpaduan kaum dengan menyalurkan sumbangan kepada wakil-wakil penerima daripada pelbagai pertubuhan masyarakat bagi melaksanakan pelbagai program perpaduan kaum.

Majlis penyerahan cek sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad di pejabatnya pada Khamis.

Menurutnya, walaupun nilai sumbangan yang diberikan tidak terlalu besar namun ia tetap membawa makna besar dalam



menyokong usaha persatuan-persatuan pelbagai kaum.

“Sumbangan ini mungkin tidak besar, namun diharapkan ia sedikit sebanyak dapat membantu persatuan-persatuan pelbagai masyarakat melaksanakan pelbagai program khususnya agenda perpaduan

kaum.”

Beliau berkata demikian menerusi satu catatan di media sosial miliknya pada Khamis.

Tambah beliau lagi, sumbangan ini juga sebagai tanda kecaknaan dan keprihatinan kerajaan negeri Kelantan dalam menyokong agen-



da perpaduan.

“Inisiatif ini juga merupakan simbol komitmen berterusan kerajaan negeri dalam menyokong agenda perpaduan sejajar dengan gagasan yang diketengahkan iaitu Kelantan Model Perpaduan,” ujarnya.

Bengkel Bina Keluarga **perkasa aspirasi** Keluarga SMR

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 8 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh agenda pembangunan keluarga berteraskan nilai sakinah, mawaddah dan rahmah (SMR) melalui penganjuran Bengkel Bina Keluarga yang berlangsung di sebuah hotel, di sini pada 5 dan 6 Oktober lalu.

Program anjuran Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan itu menghimpunkan seramai 20 pasangan suami isteri dalam usaha memperkasa institusi keluarga yang sejahtera, harmoni dan berdaya tahan.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim, berkata kerajaan negeri sentiasa menitikberatkan pengukuhan institusi keluarga sebagai teras pembentukan masyarakat madani yang stabil dan berakhlak.

"Kita berhasrat agar setiap keluarga di Kelantan dapat menghayati dan mengamalkan nilai Sakinah, Mawaddah dan Rahmah dalam kehidupan seharian supaya lahir masyarakat yang harmoni, penuh



kasih sayang dan sejahtera," katanya ketika merasmikan bengkel berkenaan.

Beliau menjelaskan bahawa komitmen kerajaan negeri terhadap pembangunan keluarga telah lama digerakkan melalui pelaksanaan Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan yang diperkenalkan sejak tahun 2008, dan kini terus diperkasa dengan pelbagai inisiatif baharu yang bersifat inklusif dan mesra keluarga.

Antara inisiatif tersebut ialah Dasar Rumah Tiga Bilik (minima) bagi keselesaan isi rumah, penerbitan Buku Panduan Keluarga Mawaddah sebagai rujukan nilai kekeluargaan Islam, serta kemudahan cuti bersalin 90 hari bergaji penuh dan cuti ihdad 30 hari bagi kakitangan kerajaan wanita yang

kematian suami.

Sepanjang bengkel berlangsung, peserta didedahkan kepada pelbagai modul interaktif dan terapi emosi yang memberi penekanan kepada komunikasi berkesan, pengurusan konflik serta seni mengekalkan kebahagiaan rumah tangga.

Antara pengisian utama termasuk sesi Art Therapy oleh Penolong Pengarah Rawatan, Perubatan dan Pemulihan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Kelantan Norzira Mohamed, serta perkongsian inspirasi daripada penulis dan penggubal Dasar Keluarga Mawaddah, Mazidah Muhammad melalui slot bertajuk "Semua Manusia Layak Bahagia" dan "Bahagia Perlu Dirancang dan Diusahakan."



Majlis penutupan bengkel disempurnakan dengan penyampaian sijil penyertaan dan bakul makanan kepada semua peserta sebagai tanda penghargaan terhadap komitmen mereka membina keluarga yang berasaskan nilai Islam dan kasih sayang.

Dato' Rohani menzahirkan harapan agar bengkel seumpama itu menjadi medan memperkukuh kefahaman tentang peranan suami isteri serta memperluas jaringan sokongan sosial keluarga di seluruh negeri.

"Keluarga yang bahagia adalah asas kepada kestabilan negeri dan negara. Jika setiap rumah tangga dibina berasaskan sakinah, mawaddah dan rahmah, insya-Alah masyarakat seluruhnya akan sejahtera," katanya.

MAIK cipta sejarah rangkul 3 anugerah Musabaqah Qira'atil Kutub Peringkat Asia Tenggara

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 7 Oktober – Delegasi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) mencipta sejarah apabila membawa pulang gelaran johan, naib johan dan tempat ketiga di Musabaqah Qira'atil Kutub Peringkat Asia Tenggara Kali Pertama 2025 yang berlangsung di Pondok Pesantren As'adiyah Pusat, Sengkang, Wajo, Indonesia, sekali gus mengharumkan nama Malaysia di pentas serantau.

Dalam Kategori Tafsir, Pegawai Penyelidik MAIK Ustaz Mohd Fauzan Abdullah muncul johan, menewaskan peserta dari Indonesia (naib johan) dan Vietnam (tempat ketiga).

Bagi Kategori Fiqh, dua lagi peserta Malaysia turut menyerlah iaitu Pensyarah Syariah Darul Quran MAIK Ustazah Nurul Afifah Balqeis Roslee meraih naib johan, manakala Imam Tua Masjid Jamek D' Raja Long Yunus, Langgar Ustaz Wan Saifuddin Wan Abdul Ghani memperoleh tempat ketiga.

Menurut satu hantaran di laman rasmi MAIK, kejayaan tersebut merupakan hasil bimbingan rapi dan kerjasama erat antara MAIK dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku penyelaras rasmi penyertaan negara ke pertandingan bertaraf antarabangsa berkenaan.

Program keilmuan yang berlangsung dari 1 hingga 7 Oktober



itu menghimpunkan para ilmuwan, ulama, dan pelajar pondok dari seluruh Asia Tenggara bagi mengangkat tradisi turath Islam, memperkukuh ukhuwah serta menzahirkan kecintaan terhadap ilmu warisan ulama.

Kejayaan bersejarah tersebut dilihat menjadi inspirasi kepada warga MAIK dan rakyat Malaysia untuk terus melakar kecemerlangan dalam bidang keilmuan Islam, sekaligus mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

MAIK sahkan madrasah “Abuya” tidak berdaftar, tindakan penguatkuasaan sedang diambil

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 8 Oktober – Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) menegaskan bahawa Madrasah Ahabul Mustafa Al-Islamiah di Tumpat, yang dikaitkan dengan individu dikenali sebagai “Abuya”, beroperasi tanpa pendaftaran sah dan kini sedang disiasat oleh pihak berkuasa agama negeri.

Menurut Timbalan Yang Dipertua MAIK Dato’ Mohd Anis Hussein, semakan pihaknya mendapati institusi tersebut tidak pernah mengemukakan permohonan rasmi untuk didaftarkan sebagai sekolah atau institusi pengajian agama di bawah bidang kuasa MAIK.

“MAIK mengambil maklum isu ini dan sedang menyelaras tindakan sewajarnya bersama pihak berkuasa berkaitan. Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap madrasah tersebut dalam masa terdekat,” katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.



Beliau menjelaskan bahawa sebarang bentuk pengajian atau operasi institusi agama di Kelantan wajib mematuhi peruntukan subseksyen 96 (1) Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Bilangan 4 Tahun 1994, yang menetapkan keperluan pendaftaran rasmi sebelum menjalankan aktiviti pendidikan Islam.

Jelasnya, MAIK memandang serius sebarang aktiviti pendidikan agama yang dijalankan tanpa kelulusan kerana ia boleh menjejaskan

keselamatan, kesejahteraan serta kesahihan pengajaran agama Islam dalam kalangan masyarakat.

Terdahulu, madrasah berkenaan menjadi perhatian umum selepas beberapa rakaman video dan kenyataan individu dikenali sebagai “Abuya” tular di media sosial, mencetuskan pelbagai reaksi serta kebimbangan terhadap kandungan dan latar belakang ajaran yang dibawa.

Dato’ Mohd Anis turut menegaskan bahawa MAIK sentiasa memantau dan memperkukuh

mekanisme kawal selia terhadap sekolah agama, pondok serta madrasah di negeri ini bagi memastikan setiap institusi mematuhi garis panduan, kurikulum dan akreditasi yang sah.

“MAIK mengingatkan mana-mana pihak yang ingin menubuhkan institusi pengajian Islam di Kelantan agar mematuhi proses pendaftaran rasmi dan garis panduan yang ditetapkan. Ia penting bagi memastikan keharmonian serta ketuhanan ajaran Islam terus terpelihara,” tegasnya.

ADN Gual Ipoh ambil inisiatif bina jalan baharu hubungkan Kusial ke Kota Harmoni



Oleh: Norzana Razaly

TANAH MERAH, 7 Oktober – Ahli Dewan Negeri (ADN) Gual Ipoh YB Bahari Mohamad Nor mengambil inisiatif membina sendiri laluan baharu sepanjang 1.58 kilometer yang menghubungkan kawasan muara Sungai Kusial dengan jalan bawah Jambatan Guillemard View@Kusial menuju ke Kota Harmoni.

Menurutnya, laluan tersebut dibina bagi membuka akses baharu ke kawasan pelancongan dan pembangunan ekonomi setempat, sekali gus memberi manfaat kepada penduduk sekitar Gual Ipoh dan

Bukit Panau.

“Sebelum ini, tapak jalan itu langsung tidak ada. Tapi sekarang, jika dilihat melalui peta satelit, sudah kelihatan satu garisan putih halus. Itulah laluan yang saya usahakan sendiri dengan kerja-kerja penambahan batu dan pembinaan asas jalan,” jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

YB Bahari turut memaklumkan bahawa laluan tersebut hanya memerlukan satu jambatan kecil untuk disambungkan terus ke Jambatan Guillemard, ikon warisan bersejarah yang menjadi kebanggaan negeri Kelantan.

“Jalan ini sangat penting untuk menghidupkan semula potensi pelancongan di sekitar Guillemard dan Kota Harmoni. Kawasan ini boleh menjadi pusat riadah persisir sungai, sepertimana projek pembangunan di Lembah Sireh.

“Lagipun di Kota Harmoni kini sedang giat dijalankan termasuk pembinaan pasar raya Econsave,” katanya.

Tambahnya, projek itu tidak

membabitkan tanah awam melainkan tanah kerajaan negeri dan rizab sungai sahaja.

Menyentuh tentang kos pembinaan, beliau memaklumkan bahawa pihaknya melaksanakan projek berkenaan secara berperingkat menggunakan dana sendiri dengan anggaran kos keseluruhan sekitar RM50,000.


Daripada jumlah itu, RM30,000 digunakan bagi membeli batu dan menyewa jentera, manakala selebihnya dibiayai melalui peruntukan Rancangan Kecil Pembangunan (RKP).

“Kos tambahan pula saya peroleh melalui sumbangan rakan-rakan, termasuk bantuan jentera dan

bahan binaan seperti pembentung. Semua dilakukan demi manfaat bersama rakyat setempat,” katanya.

Beliau yakin projek tersebut akan menjadi pemangkin kepada limpahan ekonomi baharu di kawasan tersebut serta membantu mengurangkan kesesakan trafik di persimpangan Lampu Isyarat Batu Hitam, yang sering sesak terutama pada musim perayaan.

“Selain membuka ruang baharu kepada aktiviti pelancongan dan perniagaan, jalan ini juga akan menjadi laluan alternatif yang menghubungkan DUN Bukit Panau dengan DUN Gual Ipoh,” ujarnya.



20 peserta bakal berentap di Pentas Akhir Syarahan Perdana PMBI 2025

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 8 Oktober – Sebanyak 20 peserta bakal berentap di peringkat akhir Pertandingan Syarahan Perdana Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2025 yang dijadual berlangsung pada 15 Oktober 2025 di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu.

Menurut Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah, para finalis terdiri daripada sepuluh peserta terbaik kategori A (terbuka) dan sepuluh peserta terbaik kategori B (cilik) yang berjaya menempah tempat selepas melalui peringkat saringan yang dinilai teliti oleh panel juri dalaman.

“Bagi kategori A, sepuluh peserta terbaik dipilih daripada 46 penyertaan, manakala bagi kategori B, finalis terpilih daripada 17 penyertaan kesemuanya.” katanya ketika memberikan ucapan kepada finalis, di Dewan Teratai, hari ini.

YB Nik Bahrum turut berkongsi pengalaman dan teknik syarahan yang baik kepada para peserta pentas akhir.

“Sehebat mana pun gaya persembahan, tetapi jika isi syarahan tidak lengkap atau tidak me-



nepati tema, maka ibarat tiada nya-wa dalam syarahan tersebut.

Selain itu, teknik suara sangat penting. Saya nasihatkan para finalis untuk membuat latihan membuka peti suara supaya suara kalian matang apabila tiba hari pertandingan. Jangan lupa juga, kenal pasti potensi diri sendiri supaya dapat mengatasi debaran semasa persembahan akhir nanti,” jelasnya.

Sesi taklimat tersebut turut

menyaksikan barisan finalis telah membuat undian bagi menentukan nombor giliran dan tajuk persembahan masing-masing.

Johan pertandingan bagi kategori terbuka akan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2000, manakala naib johan dan tempat ketiga masing-masing akan menerima RM1500 dan RM1000.

Sementara itu, bagi kategori

cilik, johan akan mendapat wang tunai berjumlah RM1000, naib johan (RM500) dan tempat ketiga (RM300).

Pentas akhir PMBI 2025 dijangka menyaksikan pertarungan sihat sesama para pembentang wacana intelektual yang mantap dari segi gaya persembahan dan sarat kandungan bermakna demi membudayakan aspirasi PMBI dalam kalangan anak muda.

Perakan Malaysia perkukuh peranan sebagai jambatan kebajikan dan informasi anak perantau



Oleh: Syamimi Manah

PORT DICKSON, 7 Oktober – Persatuan Anak-Anak Kelantan Perantauan Malaysia (Perakan Malaysia) terus memperkukuh peranannya sebagai jambatan kebajikan dan medium penyampaian maklumat kerajaan negeri kepada anak-anak Kelantan di perantauan

melalui sesi sumbang saran Ahli Jawatankuasa (AJK) induk Perakan Malaysia pada 3 hingga 5 Oktober.

Sesi tersebut dirasmikan oleh Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud dan dihadiri Ahli Dewan Negeri

(ADN) Pasir Tumbuh YB Dato’ Abdul Rahman Yunus, ADN Chetok YB Zuraidin Abdullah, Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan Dato’ Dr. Wan Nik Wan Yussof, serta Pengarah Urusetia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) Razuan Awang Hamad.

Program tersebut menumpukan kepada pemantapan pelan perancangan, pemetaan gerak kerja, keberkesanan penganjuran dan cabaran semasa Perakan Malaysia.

Dalam ucapannya, YB Mohd Asri menyeru agar pelan strategik disusun dengan kreatif bagi memperkukuh peranan Perakan Malaysia sebagai platform kebajikan dan perpaduan komuniti Kelantan.

Tambahnya, Perakan Malaysia yang mengangkat moto “Sepakat, Setia, Sokmo” itu sentiasa berperanan sebagai medium penyampaian maklumat terkini kerajaan negeri serta menghubungkan anak-anak Kelantan dengan tanah air mereka.



Perakan Malaysia perkukuh peranan sebagai jambatan kebajikan dan informasi anak perantau

Nasrom FC juarai Piala YB Dato' Wan Roslan 2025, bawa pulang RM5500

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 6 Oktober – Pasukan Nasrom FC muncul juara Kejuhanan Bola Sepak Jajahan Tumpat Piala YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat selepas menewaskan Aladin WBW FC menerusi penentuan sepakan penalti dalam perlawanan akhir yang berlangsung di Padang Kereta Api, Tumpat, pada Jumaat.

Pertarungan sengit antara kedua-dua pasukan tersebut berakhir dengan keputusan seri 1-1 dalam masa penuh permainan sebelum Nasrom FC menamatkan saingan dengan kemenangan melalui penentuan penalti.

Juara kejuhanan, Nasrom FC membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM5,500 beserta medal dan piala kejuaraan, manakala Aladin WBW FC selaku naib johan menerima hadiah wang tunai RM4,500 serta medal.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor yang juga merupakan Exco Pendidikan, Pengajian



Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Ustaz Wan Roslan Wan Hamat berkata, pengajuran kejuhanan tersebut bukan sahaja memupuk semangat kesukanan, tetapi turut memperkukuh perpaduan masyarakat setempat.

“Kejuhanan ini bukan sekadar pentas pertandingan, tetapi medan untuk memperkukuh ukhuwah dan semangat kerjasama dalam kalangan belia dan masyarakat.

“Saya berharap ia dapat diterus-

kan pada masa akan datang dengan penyertaan yang lebih meluas,” katanya menerusi satu hantaran di media rasmi milik beliau pada Jumaat.

Dato' Wan Roslan turut merakamkan ucapan tahniah kepada pasukan Nasrom FC atas kejayaan menjulang kejuaraan dan syabas kepada Aladin WBW FC yang memberikan saingan sengit hingga ke penentuan penalti.

“Kejuhanan ini diharap menja-

“

Kejuhanan ini bukan sekadar pentas pertandingan, tetapi medan untuk memperkukuh ukhuwah dan semangat kerjasama dalam kalangan belia dan masyarakat,” ujarnya.

di platform berterusan bagi mengukuhkan semangat kesukanan, ukhuwah dan perpaduan dalam kalangan masyarakat Tumpat khususnya serta rakyat Kelantan amnya,” ujarnya.

Turut hadir menyaksikan perlawanan akhir yang penuh meriah itu ialah Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad serta ADN Kelaboran YB Mohd Adanan Hassan.

